

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Anda ditugaskan untuk menghasilkan **satu (1)** video untuk iklan produk dengan menggunakan konsep ***motion graphic*** dengan mengaplikasikan teknik ***Kinetic Typography***. Anda bebas memilih produk yang akan digunakan. Iklan yang dihasilkan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti sesuatu syarikat atau jenama produk. Durasi video yang akan dihasilkan perlu bersesuaian antara 30 hingga 45 saat atau tidak melebihi 60 saat.

CLO 3

Anda perlu menghantar hasil akhir video dengan menggunakan format video .mp4. Saiz video adalah 1920px X 1080px dengan saiz frame 30fps. Hasil akhir perlu dimuat naik video ke akaun media sosial anda. Hantar pautan video kepada pensyarah pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Proses menghasilkan video ini perlu berpanduan kepada kriteria-kriteria berikut:

a) Pra Produksi. (P2)

- i. Tunjukkan idea dalam bentuk *Moodboard*.

(4 markah)

- ii. Tunjukkan *Treatment* (Jalan Cerita) berdasarkan kepada idea yang telah dipilih.

(4 markah)

- iii. Pamerkan Storyboard mengikut format yang telah ditetapkan.

(4 markah)

b) Produksi. (P3)

- i. Pamerkan elemen video , foto, tipografi , grafik, ilustrasi dan elemen visual lain yang diperlukan.

(4 markah)

- ii. Hasilkan animasi pada elemen asas *motion graphic* menggunakan teknik bersesuaian.

(4 markah)

- iii. Aplikasi secara keseluruhan mengikut rekabentuk dan gaya visual berdasarkan idea yang telah dipilih.

(4 markah)

- iv. Pamerkan klip audio (suara, suara latar, muzik dan kesan bunyi) yang bersesuaian.

(4 markah)

- v. Susun klip audio (suara, suara latar, muzik dan kesan bunyi) yang bersesuaian.

(4 markah)

c) Pasca Produksi. (P3)

- i. Pamerkan media pada *layers*.

(4 markah)

- ii. Susun media pada *layers*.

(4 markah)

- iii. Pamerkan gabungan (komposit) *layers*.

(4 markah)

- iv. Tunjukkan penggunaan *layers properties*.

(4 markah)

- v. Tunjukkan penggunaan animasi pada *layers properties*.

(4 markah)

- vi. Aplikasi *Effect* yang bersesuaian.

(4 markah)

- vii. Aplikasi *Transition* yang bersesuaian.

(4 markah)

d) Hasil Akhir. (P2)

i. Tunjukkan format video akhir berdasarkan kriteria ditetapkan.

(4 markah)

ii. Pindahkan video pengiklanan ke dalam media sosial berdasarkan kriteria ditetapkan.

(4 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab